



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU Politeknik Tun Syed Nasir Tun Ismail

**PROGRAM DIPLOMA
SESI I : 2023/2024**

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 Maklumat Am Institusi	
1.1 Lokasi Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	1
1.2 Program Yang Ditawarkan	1
1.3 Kemudahan Asrama Perempuan	2
1.4 Kemudahan Rumah Sewa Pelajar Lelaki	2
1.5 Perkhidmatan Pengangkutan	2
1.6 Sahsiah Rupa Diri Pelajar	2
1.7 Bantuan Kewangan	3
2.0 Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu Program Diploma Sesi I 2023/2024	
2.1 Peringatan Penting	5
2.2 Proses Pendaftaran	6
2.3 Jadual Yuran Pelajar Baharu	7
2.4 Kaedah Bayaran Yuran	8 – 9
2.5 Panduan Pendaftaran Pengajian Dalam Talian	10 -11
2.6 Maklumat Hari Pendaftaran	12
2.7 Etika Pemakaian Hari Pendaftaran	12
2.8 Minggu Transformasi Siswa	13
2.9 Senarai Semak Hari Pendaftaran	13
Lampiran	
Lampiran	14-20

1.0 MAKLUMAT AM INSTITUSI

1.1 LOKASI POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL

Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN) terletak di Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Muar, Johor.

**POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL
HAB PENDIDIKAN TINGGI PAGOH,
KM 1 JALAN PANCHOR,
84600 PAGOH, MUAR,
JOHOR DARUL TAKZIM.
Tel: 06-974 2288
Emel: ptsn@ptsn.edu.my
Website: <https://ptsn.mypolycc.edu.my/>**

1.2 PROGRAM YANG DITAWARKAN

PTSN mempunyai dua jabatan induk iaitu Jabatan Kejuruteraan Petrokimia dan Jabatan Teknologi Kimia dan Makanan dan dua jabatan sokongan iaitu Jabatan Matematik, Sains & Komputer serta Jabatan Pengajian Am. PTSN menawarkan **tujuh (7) program** utama iaitu:

- Asasi Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
- Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia) 'DPE'
- Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Petrokimia) 'DPC'
- Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Instrumentasi 'DEI'
- Diploma Kejuruteraan Kimia 'DCE'
- Diploma Teknologi Makanan 'DTM'
- Diploma Teknologi Kimia (Lemak & Minyak) 'DFO'

1.3 KEMUDAHAN ASRAMA PEREMPUAN

Pelajar perempuan disediakan kemudahan asrama dengan peralatan seperti katil, tilam, almari pakaian dan meja belajar. Kediaman bertempat di Asrama Pelajar PTSN, Blok A2, Kolej Kediaman UTHM. Walaubagaimanpun, **tempat adalah terhad**.

Semua pelajar yang tinggal diasrama adalah tertakluk kepada peraturan asrama (rujuk Lampiran II). Pelajar yang ditawarkan asrama boleh menggunakan kemudahan kafetaria dan kedai koperasi yang terletak di kawasan asrama untuk membeli makanan dan keperluan lain. Kos sara hidup ditanggung oleh pelajar sendiri.

1.4 PENGINAPAN RUMAH SEWA PELAJAR LELAKI

PTSN masih tiada kemudahan asrama untuk pelajar lelaki pada masa ini. Walaubagaimanapun, maklumat bagi cadangan penginapan luar (rumah sewa) akan diberikan di *telegram channel*.

1.5 PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN

Politeknik tidak menyediakan perkhidmatan pengangkutan kepada pelajar bagi pergerakan dari asrama dan kediaman luar ke kampus. Namun demikian, pelajar dicadangkan untuk mengambil perkhidmatan bas luar untuk pergi dan balik kuliah. Pelajar asrama (perempuan) **tidak dibenarkan** membawa kenderaan sendiri manakala pelajar yang menginap dirumah sewa **tidak digalakkan** membawa kenderaan. Maklumat bagi cadangan perkhidmatan bas akan diberikan di *telegram channel*.

1.6 SAHSIAH RUPA DIRI PELAJAR

Pelajar Politeknik Malaysia tertakluk kepada Akta Institusi - Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, Pindaan 1997 (Akta 174). Secara umumnya pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, sopan dan menutup aurat bagi pelajar Islam. Maklumat rupa diri pelajar semasa berada dikampus rujuk **Lampiran**.

1.7 BANTUAN KEWANGAN

Pihak pengurusan PTSN **tidak** menjamin sebarang bantuan biasiswa/pinjaman kewangan kepada pelajar. Tawaran biasiswa/pinjaman adalah di luar bidang kuasa politeknik. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pembelajaran, buku dan lain-lain.

Pelajar disarankan membuat permohonan biasiswa/pinjaman pada mana-mana agensi menyediakan perkhidmatan tersebut. Pelajar boleh menggunakan surat tawaran melanjutkan pelajaran ke Politeknik untuk tujuan tersebut.

Berikut adalah senarai antara agensi yang menawarkan biasiswa/pinjaman. Sila layari laman sesawang tersebut untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Bil.	Nama Pembiaya Pinjaman/Biasiswa	Laman Sesawang
1	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	http://www.ptptn.gov.my/
2	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	http://www.jpa.gov.my/
3	Zakat Selangor	https://www.zakatselangor.com.my
4	Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	http://www.biasiswa.sabah.gov.my/
5	Jabatan Kemajuan Orang Asli	http://www.jakoa.gov.my/
6	Biasiswa Sukan KPM	https://biasiswa.moe.gov.my/sukan
7	Bantuan Kewangan Pelajar OKU	https://biasiswa.mohe.gov.my/bk_oku/
8	Yayasan Telekom Malaysia	https://www.tm.com.my/YayasanTM
9	Yayasan Pelajaran Johor	http://portal.ypj.gov.my/
10	Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM)	https://tapem.melaka.gov.my/1/
11	Yayasan Sarawak	http://yayasansarawak.org.my/
12	Yayasan Pahang	http://www.yp.org.my/
13	Yayasan Selangor	http://www.yayasanselangor.org.my/
14	Yayasan Terengganu	https://www.yt.gov.my
15	KUOK Foundation	http://www.kuokfoundation.com/
16	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa (TKWBNS)	http://tkwbns.selangor.gov.my/

Pembiaya pengajian pelajar yang terbesar di PTSN adalah **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**. Bagi permohonan pinjaman PTPTN sila layari laman web URL <http://www.ptptn.gov.my/>. Pelajar disarankan untuk membuat persediaan perkara-perkara berikut sebelum membuat permohonan bagi memastikan kelancaran permohonan tersebut;

- 1) Membeli no PIN PTPTN di Bank Simpanan Nasional (BSN)
- 2) Membuka akaun Bank Islam Malaysia Berhad
- 3) Membuka akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)
- 4) Memiliki akaun emel yang sah

2.0 PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM DIPLOMA SESI I : 2023/2024

2.1 PERINGATAN PENTING

- 2.1.1 Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:
 - i. memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
 - a. Kewarganegaraan
 - b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)
 - ii. seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.
- 2.1.2 Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), tawaran kemasukan anda ke politeknik akan ditarik balik dan terbatal.
- 2.1.3 Pelajar yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik dengan **SEGERA sekiranya didapati Buta Warna** setelah membuat Pemeriksaan Doktor. Rujuk Lampiran HEP 2.
 1. Diploma Kejuruteraan Proses (Petrokimia)
 2. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Instrumenasi
 3. Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Petrokimia)
 4. Diploma Kejuruteraan Kimia
 5. Diploma Teknologi Makanan

***Syarat bagi program disenaraikan ini adalah calon tidak buta warna.**
- 2.1.4 Pelajar dikehendaki mencetak surat tawaran terkini di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri.
- 2.1.5 Prosedur Operasi Standard (SOP) hari pendaftaran adalah berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

2.2 PROSES PENDAFTARAN



2.3 JADUAL YURAN PELAJAR BAHARU

BIL.	JENIS BAYARAN	JUMLAH	KAEDAH BAYARAN
1	Yuran Pengajian	RM200	 Biller Code: 304717 Ref 1: No. K/P Pelajar Ref 2: No Telefon Pelajar
2	Yuran Asrama Private Finance Incentives (PFI) (pelajar perempuan sahaja)	RM630	
3	Bayaran pelbagai (kelengkapan & Insurans pelajar)	RM300	 Biller Code: 862680 Ref 1: No. K/P Pelajar Ref 2: No Telefon Pelajar
4	Segala perbelanjaan pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar.		

Nota :

- a. Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran
- b. Setiap resit bayaran yuran dibuat hendaklah dibuat dan disimpan sebagai bukti pembayaran
- c. Pastikan bayaran pembayaran melalui **JomPAY** menggunakan **biller code** yang betul.
- d. Pastikan No Kad Pengenalan diisi **tanpa simbol (-)** bagi mengelakkan data bayaran tidak diterima.

2.4 KAE DAH BAYARAN YURAN PENG AJIAN

(pembayaran melalui JOMPAY)

Kaedah pembayaran bagi yuran pengajian, yuran asrama PFI (kediaman pelajar perempuan) dan bayaran pelbagai adalah melalui kaedah **JomPAY** secara **online** di semua perbankan internet dengan akaun simpanan atau semasa.

Tatacara pembayaran JomPAY.



Langkah 1: Log Masuk ke Perbankan Internet atau Mobile Banking pilihan anda.



Langkah 2: Pilih “**JomPay**” pada menu Pay Bills/Bills Payment/Payment

Langkah 3: Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

- i) Biller Code: <**Masukkan biller code**>
- ii) Reference 1: <**Nombor Kad Pengenalan Pelajar** (**tanpa simbol “-”**, contoh: 011201031115)>
- iii) Reference 2: <**Nombor Telefon Pelajar** (**tanpa simbol**)>
- iv) Jumlah: <**Masukkan jumlah bayaran**>

Nota Penting : Pastikan No Kad Pengenalan diisi tanpa simbol (-) bagi mengelakkan data bayaran tidak diterima.

PENTING!
Jangan tersilap maklumat

Sila rujuk **Biller code** bayaran berdasarkan jadual berikut:-

Bayaran	Kadar Bayaran	Biller code
Yuran Pengajian	RM200	304717
Yuran Asrama PFI (perempuan shj)	RM630	
Bayaran pelbagai	RM300	862680

Langkah 4: Menyemak semula maklumat (**biller code, no. k/p, jumlah**) sebelum mengesahkan (CONFIRM) pembayaran.

Langkah 5: Unique **JomPay Reference Number** akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.

JomPAY		Successful
Reference No. 716148435		
14 Aug 2022 10:42 am		
JomPAY Reference No 98EHMU1K		
Biller Code 304717		
Biller Code Name PTSN		
Ref-1 03031 [REDACTED] 45		
Ref-2 01140 [REDACTED] 5		
Amount RM 200.00		
Note: This receipt is computer generated and no signature is required.		

JomPAY		Successful
Reference No. 789561455		
16 Aug 2022 01:45 pm		
JomPAY Reference No 98G0FUHF		
Biller Code 862680		
Biller Code Name KOP POLI TUN SYED NASIR BHD		
Ref-1 03120 [REDACTED] 13		
Ref-2 01767 [REDACTED]		
Amount RM 300.00		
Note: This receipt is computer generated and no signature is required.		

Langkah 6 : Cetak bukti resit pembayaran. Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar. **Bawa bukti pembayaran pada hari pendaftaran.**

2.5 PANDUAN PENDAFTARAN PENGAJIAN PELAJAR BAHARU SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)

Pendaftaran Dalam Talian hanya boleh dilakukan **setelah anda selesai membuat bayaran yuran pengajian** melalui Perbankan internet / Mobile Banking ‘JomPAY’ dan status bayaran yuran pengajian anda dikemaskini dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja**. Sistem pendaftaran akan dibuka pada **01 Ogos 2023**.


Tatacara pra-pendaftaran secara dalam talian (online) melalui spmp adalah seperti berikut:-

- 1) Log masuk <http://spmp.ptsn.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp>
(selepas 3 hari membuat pembayaran)
- 2) Paparan berikut akan keluar. Masukkan **No. Kad Pengenalan**. Klik **Teruskan**.



- 3) Langkah seterusnya akan dipaparkan.

Sekiranya calon **belum membayar yuran**, paparan seperti berikut dipaparkan. (buat bayaran yuran dan tunggu bayaran dikemaskini)



Sekiranya calon **telah membayar yuran** dan bayaran telah dikemaskini, paparan berikut dipaparkan.

Klik Langkah ke-4 .

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)

Sesi Semasa : I : 2022/2023 || 1 : 2022/2023

Panduan Pendaftaran Pelajar Baru Online Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

Langkah	Perkara yang perlu dilakukan	Aksi
1	Cetak Dokumen Pendaftaran Sila cetak maklumat am pendaftaran dan borang pendaftaran Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	Maklumat Am
2	Cetak Maklumat Bayaran Sila cetak jadual bayaran untuk tujuan rujukan semasa anda membuat bayaran di Bank.	Maklumat Bayaran
3	Semak status bayaran Data bayaran pendaftaran yang dibuat hanya akan diterima pihak Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail sehari selepas bayaran dibuat	Semak Status Bayaran
4	Pendaftaran Online (dalam talian) Sila Klik Pendaftaran Online TSN setelah status bayaran yuran diterima oleh pihak Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail	Teruskan Untuk Pendaftaran

Teruskan Untuk Pendaftaran

4) Paparan berikut akan keluar. Upload gambar pelajar.

Kemudian, klik **Cetak Slip** untuk mencetak Slip Pengesahan Pendaftaran

Dalam Talian dan **bawa semasa hari pendaftaran 20 Ogos 2023.**

Rujuk Lampiran untuk Contoh Slip Pengesahan Dalam Talian.

Selamat Datang ke Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)

Sesi Semasa : I : 2022/2023 || 1 : 2022/2023

Maklumat Pendaftaran Online

Nama	: NU.....A BINTI KAMARULHISHAM
No Kp	: 0432100002
No Pendaftaran	: 33DFO22F1002
Program	: Diploma Teknologi Kimia (Lemak Dan Minyak)
Jabatan	: JABATAN TEKNOLOGI KIMIA DAN MAKANAN
Kelas	: DFO1A
Tarikh Lapor diri	: 14/08/2022
Masa Lapor diri	: 9:00 Pagi
Sesi Mula	: I : 2022/2023
Sesi Tamat	: II : 2024/2025

Upload Gambar Kad Pelajar

Cetak Slip

2.6 MAKLUMAT HARI PENDAFTARAN

Pendaftaran pelajar baharu program diploma akan diadakan seperti maklumat berikut,

Tarikh : **20 Ogos 2023 (Ahad)**

Masa : **9.00 pagi – 12.30 tengah hari**

Tempat : **Dewan Kemudahan Gunasama, Hab Pendidikan Tinggi Pagoh.**

Semua pelajar baharu dikehendaki untuk menyertai **telegram channel** pada pautan : https://t.me/PTSNINTAKE_OGOS2023 untuk mendapatkan info berkaitan pendaftaran dan program Minggu Transformasi Siswa.

2.7 ETIKA PEMAKAIAN HARI PENDAFTARAN

Pemakaian calon pelajar pada **HARI PENDAFTARAN dan sepanjang MINGGU TRANSFORMASI SISWA** hendaklah seperti yang berikut,

Lelaki	Keterangan
Baju/ Tali leher	<ul style="list-style-type: none">Kemeja lengan panjang berwarna PUTIH.Bertali leher berwarna MERAH.
Seluar/ Tali Pinggang	<ul style="list-style-type: none">Seluar panjang ‘slack’ berwarna HITAM.Tali pinggang HITAM.
Kasut	<ul style="list-style-type: none">Kasut bertutup.
Rambut	<ul style="list-style-type: none">Pendek, kemas dan tidak diwarnakan.Belakang tidak menyentuh paras kolar baju.Paras tepi tidak menyentuh paras atas telinga.Paras depan tidak menyentuh paras dahi.Tidak berfesyen yang melampau.

Perempuan	Keterangan
Pakaian	<ul style="list-style-type: none">Baju kurung PUTIH tanpa corak + kain HITAM. atau Kemeja lengan panjang PUTIH + seluar slack/skirt labuh HITAM.Tudung berwarna HITAM (wajib bagi muslim).
Kasut	<ul style="list-style-type: none">Kasut bertutup.
Rambut	Rambut kemas dan tidak diwarnakan serta tidak berfesyen (non-muslim).

Nota :

- Sebarang **bentuk perhiasan** seperti rantai gelang dan subang adalah **tidak dibenarkan bagi lelaki**.

2.8 MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS)

Semua pelajar baharu program diploma **dikehendaki** mengikuti Program Minggu Transformasi Siswa (MTS) yang akan diadakan bermula pada **pukul 2.30 petang** pada **20 Ogos 2023 hingga 24 Ogos 2023** dan mematuhi semua peraturan yang telah digariskan. Jadual program MTS rujuk **Lampiran (C)**.

2.9 SENARAI SEMAK HARI PENDAFTARAN

BIL.	PERKARA	SEMAK
1	Slip Pendaftaran Online	
2	Borang HEP 1 hingga HEP 6 (yang lengkap diisi)	
3	Salinan resit/bukti bayaran yang terlibat ;- <ul style="list-style-type: none">• Yuran pengajian• Yuran asrama (perempuan shj)• Bayaran pelbagai• Bayaran bas (jika berkaitan)• Bayaran penginapan luar (jika berkaitan)	
4	Salinan penyata akaun pelajar. (digalakkan untuk membuka akaun bank islam bagi kegunaan permohonan PTPTN)	
5	Gambar terbaru berukuran passport (1 keping – Untuk Fail Pelajar)	
6	Salinan surat tajaan/biasiswa.(jika berkaitan)	

LAMPIRAN

A. CONTOH SLIP PENGESAHAN PENDAFTARAN DALAM TALIAN

 **Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail**
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, Km 1, Jalan Panchor,
Pagoh, Muar, Johor Darul Takzim.
84600 Muar
Johor Darul Takzim

Telefon : 06-974 2288
Fax : 06-974 2395
Web : <http://www.ptsn.edu.my>

 **Slip Pengesahan Pendaftaran Dalam Talian (Online)**

Maklumat Pendaftaran

Nama : NURIN 	ARULHISHAM
No Kp : 0 	
Program : Diploma Teknologi Kimia (Lemak Dan Minyak)	
Kelas : DFO1A	Jabatan : JABATAN TEKNOLOGI KIMIA DAN MAKANAN
Tarikh Lapordiri : 1 	Masa lapordiri : 9 
Sesi Mula : I : 2022/2023	Sesi Tamat : II : 2024/2025

 **No Pendaftaran : 33DFO22F1002**

 **Nombor pendaftaran pelajar**

Arahan Semasa Melapor Diri

- i Senarai Semak Borang Pendaftaran (BHEP0)
- ii Borang Maklumat Peribadi Pelajar (BHEP1)
- iii Borang Ikran Pelajar dan Lepas Tanggung (BHEP2)
- iv Borang Akuan Pelajar dan Akuan Ibu/Bapa/Penjaga (BHEP3)
- v Borang Kebenaran Bapa/Ibu/Penjaga Untuk Rawatan Bius (Anaesthesia) & Pembedahan (BHEP4)
- vi Borang Laporan Pemeriksaan Doktor (BHEP5). Laporan X-Ray mesti disertakan jika pemeriksaan dibuat di klinik swasta. Filem X-Ray tidak perlu diserahkan
- vii Borang Aku Janji Pelajar (BHEP6)

Potong Disini-----

Untuk Kegunaan Koperasi Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail Sahaja

Senarai Semak Koperasi Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

Nama : NURIN 	ARULHISHAM
No Kp : 0 	No Pendaftaran : 33DFO22F1002
Program : Diploma Teknologi Kimia (Lemak Dan Minyak)	
Kelas : DFO1A	

Sila FOTOSTAT slip Bayaran Pendaftaran dan serahkan bersama keratan ini di kaunter koperasi Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail

Peralatan dari Koperasi Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail yang telah di ambil oleh pelajar.

<input type="checkbox"/>	Baju Berlogo Politeknik (T-Shirt Lengan Pendek Berkollar)
<input type="checkbox"/>	Baju Sukarelawan YES! (T-Shirt Lengan Pendek Tidak Berkollar)
<input type="checkbox"/>	Card, Card Holder & Lanyard

B. PERATURAN AM - RUPA DIRI PELAJAR DI KAMPUS

Pelajar Islam hendaklah berpakaian menutup aurat mengikut syarak. Semua pelajar **DILARANG** memakai pakaian “jean” dan slack yang menyerupai “jean”. Pelajar yang tidak mengikut peraturan ini boleh dikenakan denda terus tidak lebih RM50.00 mengikut Kaedah baru 26A.

1) RUPA DIRI PELAJAR LELAKI

Pakaian	Keterangan
Baju	<ul style="list-style-type: none">• Kemeja lengan panjang / pendek• Baju T berkollar (<i>tuck-in</i>)• Baju Kebangsaan lengkap
Seluar	Seluar ‘slack’
Kasut	Kasut bertutup dan berstokin
Rambut	<ul style="list-style-type: none">• Rambut hendaklah sentiasa pendek dan kemas.• Paras belakang tidak melebihi paras kollar baju, paras tepi tidak elebihnya paras atas telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.• Rambut berfesyen seperti “afro”, “punk”, berekor atau diwarnakan TIDAK dibenarkan.

2) RUPA DIRI PELAJAR PEREMPUAN

Pelajar Perempuan	Keterangan
Baju	<ul style="list-style-type: none">• Semua pelajar wanita Islam diwajibkan menutup aurat mengikut syarak.• Baju kebangsaan lengkap.• Berlengan panjang/ Baju T berkollar, kemas dan bersopan.• Pakaian labuh melepas paras punggung.• Pakaian yang menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan TIDAK dibenarkan.
Seluar	Seluar ‘slack’ longgar
Sarung/Skirt	<ul style="list-style-type: none">• Labuh ,longgar dan tidak jarang.• Pelajar bukan Muslim TIDAK dibenarkan memakai “skirt” yang lebih pendek dari paras lutut.
Kasut	Kasut bertutup dan berstokin
Rambut	Kemas dan tidak diwarnakan

JENIS PAKAIAN YANG DIBENARKAN DALAM KAMPUS DI KULIAH / MAKMAL / BENGKEL

SISWA



SISWI



MAKMAL



BENGKEL



C. JADUAL PROGRAM MINGGU TRANSFORMASI SISWA(MTS) DIPLOMA SESI I : 2023/2024

JADUAL PENDAFTARAN & MINGGU TRANSFORMASI SISWA DIPLOMA SESI I 2023/2024										
MASA HARI & TARIKH	7.30 - 8.30 PAGI	8.30 - 9.30 PAGI	9.30 - 10.30 PAGI	10.30 - 11.00 PAGI	11.00 - 12.00 TGH	12.00 - 1.00 TGH	1.00 - 2.30 PTG	2.30 - 3.30 PTG	3.30 - 4.30 PTG	4.30 - 5.30 PTG
AHAD (20/8/23)	PERSIAPAN DIRI DAN SARAPAN	PENDAFTARAN PELAJAR BARU (P/L) Pendaftaran Online (SPMP) / Kad Matriks Pelajar					TAKLIMAT MTS SESI I	TAKLIMAT KOKURIKULUM	TAKLIMAT PENGURUSAN PELAJAR	
ISNIN (21/8/23)	TAKLIMAT AKTA 174 & PERATURAN AM POLITEKNIK	TAKLIMAT KEUSAHAWAN AN	SLOT BERSAMA MPP DAN ORGANISASI PELAJAR	QUALITY BEGIN FROM ME WITH ETAC	SISTEM DAN KAEDAH PEPERIKSAAN POLITEKNIK	TAKLIMAT PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT	TAKLIMAT PEMBELAJARAN E-LEARNING			
SELASA (22/8/23)	SISTEM PENASIHAT AKADEMIK	TAKLIMAT TAJAAN, PINJAMAN DAN BIASISWA	TAKLIMAT ADAB DAN ETIKA MAHASISWA/I	TAKLIMAT PENGURUSAN ASRAMA (P) DAN KEDIAMAN LUAR (L)	TAKLIMAT PENGURUSAN PENGANGKUTAN	TAKLIMAT EDU-HUB	LE TOUR POLYTECHNIC			
RABU (23/8/23)	HARI HOL ALMARHUM SULTAN ISKANDAR									
KHAMIS (24/8/23)	RAPTAI PERASMIAH PENUTUP		PERASMIAH PENUTUP DAN SESI DIALOG BERSAMA PIHAK PENGURUSAN			TAKLIMAT OBE (DILAKUKAN OLEH PENYELARAS OBE JABATAN JPK DAN JTKM)	SLOT BERSAMA JABATAN DAN PENASIHAT AKADEMIK			

D. PERATURAN ASRAMA PEREMPUAN

PERATURAN AM PELAJAR KOLEJ KEDIAMAN POLITEKNIK TUN SYED NASIR SYED ISMAIL

- Penghuni hendaklah memastikan semua peralatan dan perabot di dalam bilik lengkap dan dalam keadaan baik.
- Penghuni adalah dinasihatkan supaya berpakaian kemas dan berkelakuan sopan pada setiap masa dalam kawasan kolej kediaman bagi menjaga keharmonian bersama.
- Keselamatan harta benda penghuni adalah tanggungjawab sendiri. Rumah/bilik hendaklah sentiasa dikunci bagi tujuan keselamatan.
- Bertukar bilik tanpa kebenaran daripada Felo Kolej Kediaman adalah **TIDAK** dibenarkan.
- Sebarang bentuk ‘ragging’ **TIDAK** dibenarkan.
- Pelajar atau pelawat lelaki **DILARANG** memasuki kawasan kolej kediaman pelajar perempuan.
- Sebarang bentuk penyambungan / pendawaian elektrik adalah **DILARANG**.
- Penghuni **TIDAK** dibenarkan menghisap, menyimpan atau memiliki sebarang jenis **ROKOK** atau **MAKANAN TERLARANG** di dalam kawasan kolej kediaman pelajar.
- Penghuni kolej kediaman **DILARANG** memasak.
- Penghuni hendaklah membuang sampah di tempat yang disediakan.

Peraturan Keluar Masuk Harian, Hujung Minggu Dan Cuti Pendek

- Semua penghuni yang keluar dari kawasan kolej kediaman atas urusan harian dikehendaki masuk semula **SEBELUM 7.00 malam** pada hari yang sama.
- Penghuni **TIDAK** dibenarkan keluar atau pulang pada hujung minggu tanpa kebenaran Felo Kolej Kediaman.
- Penghuni kolej kediaman yang dibenarkan bermalam diluar pada hujung minggu, cuti umum atau cuti pendek **DIWAJIBKAN** merekodkan maklumat dalam buku keluar masuk kolej kediaman.

Peraturan Menerima Pelawat

- Ahli keluarga atau pelawat penghuni kolej kediaman hendaklah dilayan di kafetaria atau di tempat yang disediakan.
- Ahli keluarga atau pelawat **DILARANG** daripada memasuki blok kolej kediaman pelajar.
- Masa melawat adalah seperti berikut :

Hari Kuliah : 4.00 petang hingga jam 7.00 malam
Cuti Hujung Minggu : 8.00 pagi hingga jam 9.00 malam

E. KALENDAR AKADEMIK SESI 2023/2024



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KALENDAR AKADEMIK 2023/2024 PROGRAM DIPLOMA DAN SIJIL POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

INSTITUSI / TARikh		BIL. MINGGU	AKTIVITI	CATATAN	LATIHAN INDUSTRI (LI) / WORK BASED LEARNING (WBL)
*INSTITUSI A	*INSTITUSI B				
SESI I : 2023/2024					
20/08/23 - 26/08/23	21/08/23 - 27/08/23	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		Politeknik <ul style="list-style-type: none"> • LI / WBL ** 22 Ogos 2023 – 06 Januari 2024 (20 minggu)
27/08/23 - 14/10/23	28/08/23 - 15/10/23	7	Kuliah	<ul style="list-style-type: none"> • Hari Kebangsaan : 31/08/23 (Khamis) • Hari Malaysia : 16/09/23 (Sabtu) • Maulidur Rasul : 28/09/23 (Khamis) 	Politeknik <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian LI (Kejuteraan sahaja) 07/08 Januari 2024 – 18/19 Januari 2024 (2 minggu)
15/10/23 - 21/10/23	16/10/23 - 22/10/23	1	Cuti Pertengahan Semester		Kolej Komuniti <ul style="list-style-type: none"> • LI / WBL ** 20/21 Ogos 2023 – 07/08 Disember 2023 (16 minggu)
22/10/23 - 09/12/23	23/10/23 - 10/12/23	7	Kuliah	<ul style="list-style-type: none"> • Hari Deepavali: 12/11/23 (Ahad) - kecuali Negeri Sarawak 	Kolej Komuniti <ul style="list-style-type: none"> • LI / WBL ** 20/21 Ogos 2023 – 07/08 Disember 2023 (16 minggu)
10/12/23 - 15/12/23	11/12/23 - 15/12/23	1	Minggu Ulang Kaji		Politeknik <ul style="list-style-type: none"> • Hari Krismas : 25/12/23 (Isnin) • Tahun Baru : 01/01/24 (Isnin)
16/12/23 - 07/01/24	16/12/23 - 07/01/24	3	Peperiksaan Akhir Semester/ Pentaksiran	<ul style="list-style-type: none"> • Tarikh Rasmi Keputusan Peperiksaan Akhir : 25/01/24 (Khamis) 	Politeknik <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian LI 10/11 Disember 2023 – 21/22 Disember 2023 (2 minggu)
08/01/24 - 03/02/24	08/01/24 - 04/02/24	4	Cuti Akhir Semester		Kolej Komuniti <ul style="list-style-type: none"> • LI / WBL ** 20/21 Ogos 2023 – 07/08 Disember 2023 (16 minggu)
SESI II : 2023/2024					
28/01/24 - 03/02/24	29/01/24 - 04/02/24	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		Politeknik <ul style="list-style-type: none"> • LI / WBL ** 01 Februari 2024 – 19 Jun 2024 (20 minggu)
04/02/24 - 06/04/24	05/02/24 - 07/04/24	9	Kuliah	<ul style="list-style-type: none"> • Tahun Baru Cina : 10 & 11 /02/24 (Sabtu & Ahad) 	Politeknik <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian LI (Kejuteraan sahaja) 23/24 Jun 2024 – 04/05 Julai 2024 (2 minggu)
07/04/24 - 13/04/24	08/04/24 - 14/04/24	1	Cuti Pertengahan Semester	<ul style="list-style-type: none"> • Hari Raya Aidilfitri : 10 & 11 /04/24 (Rabu & Khamis) 	Kolej Komuniti <ul style="list-style-type: none"> • LI / WBL ** 01 Februari 2024 – 22 Mei 2024 (16 minggu)
14/04/24 - 18/05/24	15/04/24 - 19/05/24	5	Kuliah	<ul style="list-style-type: none"> • Hari Pekerja : 01/05/24 (Rabu) 	Kolej Komuniti <ul style="list-style-type: none"> • LI / WBL ** 01 Februari 2024 – 22 Mei 2024 (16 minggu)
19/05/24 - 24/05/24	20/05/24 - 24/05/24	1	Minggu Ulang Kaji	<ul style="list-style-type: none"> • Hari Wesak : 22/05/24 (Rabu) 	Politeknik <ul style="list-style-type: none"> • Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong : 03/06/24 (Isnin)
25/05/24 - 16/06/24	25/05/24 - 16/06/24	3	Peperiksaan Akhir Semester/ Pentaksiran	<ul style="list-style-type: none"> • Hari Raya Aidiladha : 17/06/24 (Isnin) • Awal Muarram : 07/07/24 (Ahad) • Tarikh Rasmi Keputusan Peperiksaan Akhir : 04/07/24 (Khamis) 	Politeknik <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian LI 26/27 Mei 2024 – 06/07 Jun 2024 (2 minggu)
17/06/24 - 24/08/24	17/06/24 - 25/08/24	10	Cuti Akhir Semester/ ***Semester Pendek		Kolej Komuniti <ul style="list-style-type: none"> • LI / WBL ** 01 Februari 2024 – 22 Mei 2024 (16 minggu)
SESI I : 2024/2025					
18/08/24 - 24/08/24	19/08/24 - 25/08/24	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		

*INSTITUSI A - Politeknik dan Kolej Komuniti di Negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu

*INSTITUSI B - Politeknik dan Kolej Komuniti di Negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor,
Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

**Tertakluk kepada hari bekerja industri

***Pelaksanaan Semester Pendek bergantung kepada institusi
(Kuliah semester pendek bermula pada 23/24 Jun 2024)

Diluluskan oleh :

(Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail)
 Ketua Pengarah
 Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
 Kementerian Pendidikan Tinggi
 Tarikh : 25/1/24



Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh,
Km 1 Jalan Panchor,
84600 Pagoh, Muar,
Johor Darul Takzim.

No. Tel: 06-974 2218/2219
Email: jhep@ptsn.edu.my

